

15 JUN 1997

Mahathir-Sidang (Bergambar)

MAHATHIR GESA NEGARA D-8 BELAJAR JALIN PERDAGANGAN

By: Mokhtar Hussain

ISTANBUL, 15 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara membangun harus belajar untuk bekerjasama dan menjalin perdagangan di kalangan mereka demi faedah bersama kerana ini lebih baik daripada membenarkan negara kaya mengaut faedah daripada perdagangan dengan negara miskin.

Perdana Menteri berkata jika negara kaya boleh mendapat faedah daripada negara miskin, maka negara miskin juga boleh berbuat demikian antara satu sama lain.

"Ada yang menyatakan bahawa negara miskin bukan rakan perdagangan yang baik tetapi hakikatnya ialah negara kaya yang selalu mengadakan perdagangan dengan negara miskin.

"Sudah tentu mereka mendapat faedah daripada perdagangan ini. Jika mereka boleh mendapat faedah daripada negara miskin, kita juga boleh berbuat demikian antara satu sama lain. Cuma dengan kita, faedah itu adalah secara bersama," kata Dr Mahathir ketika berucap pada sidang kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Kumpulan Lapan Negara Membangun Islam (D-8) di sini hari ini.

Sidang kemuncak itu sebelumnya dirasmikan oleh Presiden Turki Suleyman Demirel.

"Sebab itulah kami menyambut baik keanggotaan dalam D-8. Kami berharap untuk belajar daripada anggota lain dan bekerjasama serta mengadakan perdagangan dengan mereka," katanya.

Kumpulan D-8 terdiri daripada Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Malaysia, Nigeria, Pakistan dan Turki. Perdana Menteri Turki Necmettin Erbakan mencadangkan penubuhan D-8 bertujuan memupuk kerjasama ekonomi yang rapat di kalangan negara-negara membangun.

Selain Dr Mahathir dan Erbakan, pemimpin lain yang menghadiri sidang kemuncak di bandaraya bertamadun yang bersejarah ini ialah Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hassina Wajed, Presiden Suharto, Presiden Iran Ali Akbar Hashemi Rafsanjani dan Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif.

Mesir diwakili oleh Perdana Menteri Kamal El Ganzouri sementara Nigeria oleh Menteri Industrinya Mohammed Halladu.

Dr Mahathir berkata sejak pemupukan Kerjasama Selatan-Selatan, jumlah perdagangan di kalangan negara anggota Kumpulan Negara Membangun (G-15) dan dengan negara membangun yang lain telah melonjak.

Menurut Perdana Menteri, perdagangan dengan negara membangun di Asia Tenggara juga meningkat dalam tempoh cuma lima tahun.

Perdana Menteri berkata negara anggota D-8 boleh meningkatkan perdagangan di kalangan mereka jika dapat menyempurnakan dasar dan instrumen perundangan yang diperlukan.

"Untuk ini, kita perlu mengadakan pertukaran maklumat. Saya ingin menegaskan di sini tentang perlunya kepimpinan politik yang kuat. Kesungguhan politik adalah perlu jika hendak mencapai kemajuan," kata beliau.

Dr Mahathir juga menyentuh tentang perlunya negara membangun mencorakkan bentuk demokrasinya sendiri yang akan membantu memesatkan pembangunan ekonomi dan mengelakan mereka dijajah semula.

"Kita berhimpun sebagai anggota D-8 untuk bekerjasama. Perkara utama yang harus kita bekerjasama ialah mempertahankan sistem demokrasi kita. Kita harus demokratik tetapi demokratik mengikut acuan kita sendiri," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demokrasi yang liberal mungkin baik bagi sesetengah pihak tetapi tidak untuk semua orang sambil berkata beliau berpendapat sistem itu tidak dapat berfungsi dengan lancar di negara membangun.

"Kebajikan rakyat adalah lebih penting daripada hak segelintir pihak untuk mengganggu keamanan bagi menonjolkan diri mereka. Kita telah menyaksikan dari semasa ke semasa bagaimana lonjakan mereka ke tampuk kuasa tidak menghasilkan apa-apa. Negara-negara berkenaan terus mundur walaupun kerajaan bertukar," kata beliau.

Perdana Menteri berkata di kebanyakan negara membangun, kebebasan demokrasi akhirnya membawa kepada sikap tidak bertanggungjawab.

"Kerajaan yang dipilih tidak diberi peluang untuk memerintah. Kerajaan yang baru dipilih dijatuhkan melalui mogok dan tunjuk perasaan yang dilancarkan kononnya atas nama demokrasi dan kerajaan yang ditegakkan juga mengalami nasib yang serupa.

"Justeru itu, di sebalik kebaikan demokrasi, apa yang kita dapat ialah anarki. Dan anarki tidak dapat membantu kita untuk membangun," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata negara maju mungkin tidak memerlukan kerajaan untuk mereka mencapai kemajuan tetapi negara membangun yang dilanda huru-hara secara berterusan tidak mungkin dapat membebaskan dirinya daripada kelesuan ekonomi.

Dr Mahathir berkata: "Sistem demokrasi bukan undang-undang Tuhan. Ia adalah ciptaan manusia. Kita tidak boleh dituduh sebagai menyimpang jika kita tidak bersetuju dan menolak sesetengah daripada interpretasi.

"Kita, negara membangun memerlukan kestabilan politik lebih daripada dahulu. Empayar mungkin ialah perkara yang sudah berlalu. Tetapi "hagemony" politik dan ekonomi masih berleluasa. Jika kita lemah daripada segi politik, kita semua akan dijajah kembali.

Dr Mahathir berkata hanya apabila negara membangun menikmati kestabilan politik, maka mereka boleh memusatkan perhatian secara serius kepada pertumbuhan ekonomi dan kebajikan rakyat.

"Kita mungkin dapat mencapai pertumbuhan secara sendiri. Tetapi pertumbuhan lebih mudah dicapai jika kita bekerjasama, jika kita bertukar-tukar maklumat dan belajar antara satu sama lain.

"Tiada sebuah negarapun yang berkeupayaan sehingga ia tahu segala-galanya mengenai pengurusan hal ehwalnya sendiri," kata beliau.

Beliau berkata Malaysia juga telah meniru daripada orang lain tanpa berasa malu.

"Kita meniru daripada Barat dan apabila Timur mencapai kejayaan, kami mengusahakan dasar Pandangan Ke Timur. Kami juga belajar daripada kegagalan orang lain kerana degan berbuat demikian, kita tahu apa yang perlu dielakkan. Dan kita masih mencari untuk belajar daripada orang lain," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan negara-negara anggota D-8 yang mempunyai penduduk berjumlah hampir 800 juta, agar tidal terlalu menaruh harapan yang tinggi sambil berkata adalah lebih bijak untuk berjimat dan merancang setiap langkah kita".

"Jika D-8 hendak menjadi sebuah pertubuhan yang berwiba, kita harus menunjukkan hasilnya.

Kita harus memperkukuhkan kerjasama kerana ini lebih baik daripada mengadakan mesyuarat yang tidak menghasilkan apa-apa. Itulah cabaran yang kita akan hadapi," kata Dr Mahathir.

Erbakan, ketika berucap sebelumnya berkata negara anggota D-8 harus memusatkan perhatian kepada keberkesanan terhadap setiap projek yang dijalankan.

"Kita akan berkongsi atau meminjamkan teknologi, pengetahuan dan

pengalaman antara satu sama lain bagi memastikan kejayaan kumpulan itu terutama dalam meningkatkan perdagangan," kata beliau.

Beliau menarik perhatian bahawa D-8 bukan alternatif bagi mana-mana kumpulan lain tetapi matlamat utamanya ialah menjaga kebajikan dan mewujudkan keceriaan dalam masyarakat.

Presiden Suharto pula berkata negara anggota D-8 harus memupuk kerjasama untuk menjadi lebih berdaya saing dalam ekonomi global dan dengan itu mengatasi masalah sosial dan ekonomi.

"Realiti hari ini ialah kita tidak boleh mengharapkan negara maju secara sukarela untuk berkongsi teknologi dengan negara membangun.

"Setiap teknologi yang diperlukan harus dibeli pada harga yang kita tidak mampu dan syarat-syarat yang sukar diterima," kata beliau. -- BERNAMA
MOK FAZ